

**Noh Cabar Kerajaan Selangor Tunjuk Bukti Bn Sebabkan Yayasan Rugi RM500 Juta Bernama  
7 Mac, 2012**

PUTRAJAYA, 7 Mac (Bernama)-- Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar mencabar kerajaan Selangor supaya menyegerakan 'audit forensik' berhubung dakwaan kononya Yayasan Selangor mengalami kerugian RM500 juta ketika Barisan Nasional (BN) memimpin negeri ini.

Noh berkata dakwaan tidak berasas itu adalah taktik pimpinan kerajaan pakatan pembangkang untuk menutup kelemahan dan penyelewengan RM1.4 juta dalam menganjurkan pelbagai kegiatan yayasan pada 2010, termasuk sambutan ulang tahunnya yang ke-40 sekaligus mengalihkan perhatian rakyat terhadap isu lain.

"Nampaknya Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) tidak mahu menerima bahawa di dalam pentadbiran mereka terdapat kelemahan. Sebaliknya mereka nak timbulkan isu lama yang kononnya semasa pentadbiran BN, Yayasan Selangor rugi RM500 juta.

"Saya cabar sekali lagi kepada Menteri Besar dan kerajaan negeri tolong segerakan buat forensik audit mengenai dakwaan itu. Ini satu dakwaan untuk menutup kelemahan negeri," katanya pada sidang media sebelum menyaksikan majlis menandatangani Perakuan Keputusan Makmal bagi Pembinaan Sekolah Perikanan Kampung Aceh, Lumut, Perak di sini, Rabu.

Noh yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor berkata, sejak mengambil alih pimpinan negeri ini, pakatan pembangkang hanya mencari kesalahan dan kelemahan pentadbiran BN lalu, tanpa menyiasat penyelewengan yang berlaku atau membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat dan negari.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650669>